# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
SHAHARUDDIN THAMBY
PELAKON FILEM DAN TEATER

OLEH:


NOORAUNI NABILAH BINTI RIDZUAN 2020834968
AIFA NABILA BINTI MOHD RAHMAN 2020496206


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

# TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
# SHAHARUDDIN THAMBY
# PELAKON FILEM DAN TEATER

OLEH:


| | |
|---|---|
| NOORAUNI NABILAH BINTI RIDZUAN | 2020834968 |
| AIFA NABILA BINTI MOHD RAHMAN | 2020496206 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (OKT 2022 – FEB 2023)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Bismillahirahmanirahim, Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji bagi Allah dan limpah kurniaNya diberikan tenaga bersama sama rakan seperjuangan untuk menyiapkan tugasan berkumpulan IMR604 (Oral Documentation) ini dengan sempurna.

Syukur alhamdulillah kehadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya memberikan kami kekuatan untuk melakukan dan menyelesaikan tugasan yang diberikan ini. Di kesempatan ini, setinggi tinggi penghargaan diberikan kepada pensyarah kami, Puan Nurulannisa Binti Abdullah yang sentiasa sabar memberi tunjuk ajar dan membantu kami dalam menyiapkan tugasan ini. Beliau telah banyak membantu sepanjang proses tugasan ini dijalankan.

Tidak dilupakan kepada Tuan Shaharuddin Thamby yang sudi meluangkan masa bersama kami untuk melakukan temubual ini meski dengan jadualnya yang padat. Sebesar-besar penghargaan diberikan kepada beliau atas kesudiannya melayan kami tanpa mengharapkan balasan demi menjayakan sejarah lisan ini. Kami juga ingin berterima kasih kepada ibu bapa yang telah memberikan dorongan sepanjang tugasan ini dijalankan. Sekalung terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut meberikan kerjasama dalam melaksanakan tugasan ini.

Sekian, terima kasih

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara tokoh yang bernama Shaharuddin Thamby, pelakon veteran tanah air yang berumur 65 tahun khusunya bagi merungkai mengenai penglibatan beliau dalam bidang seni lakonan. Beliau sudah bertapak dalam industri selama 33 tahun bermula dari tahun 1989 sehingga kini. Transkrip temubual ini telah diadakan di Kafe FINAS, Kemajuan Filem Nasional, Ulu Klang bermula jam 2 tengah hari sehingga 4 petang pada 24 Disember 2022. Beliau masih bergiat aktif dalam seni perfileman dan teater. Dia dilihat memegang banyak watak lakonan khususnya sebagai seorang bapa dan datuk. Pelbagai peristiwa, ujian, dan masalah yang dihadapinya semasa berkhidmat dalam industri lakonan. Sejarah dan perjalanan Shaharuddin Thamby sebagai pelakon boleh dijadikan sumber inspirasi dan semangat untuk komuniti melalui temubual seperti ini.*

**Kata kunci:** *pelakon, filem, teater, industri, lakonan*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan................................................................................... | i |
| Abstrak........................................................................................ | iii |
| Isi Kandungan ................................................................................ | v |
| Biodata Tokoh................................................................................ | vii |
| Pengenalan.................................................................................... | ix |
| Transkrip | 01 |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh......................................... | 02 |
| Bahagian 2: Pendidikan dalam Lakonan.................................... | 08 |
| Bertema: Seni Perfileman dan Teater........................................ | |
| Bahagian 3: Pengalaman Kerjaya........................................... | 27 |
| Bahagian 4: Kemahiran Lakonan............................................ | 41 |
| Bahagian 5: Sumbangan.......................................................... | 50 |
| Bahagian 6: Harapan.............................................................. | 53 |
| Rujukan.................................................................................. | 57 |
| Lampiran | 58 |
| Log Wawancara......................................................................... | 59 |
| Diari Kajian.............................................................................. | 64 |
| Senarai soalan........................................................................... | 67 |
| Surat Perjanjian........................................................................ | 70 |
| Gambar.................................................................................... | 71 |
| Sijil penghargaan...................................................................... | 72 |
| Indeks...................................................................................... | 73 |

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | | |
|---|---|---|
| Nama Penuh | : | Shaharuddin bin Tambi |
| Nama Pentas | : | Shaharuddin Thamby |
| Tarikh Lahir | : | (66 Tahun) |
| Tempat Lahir | : | Selangor |
| Bangsa | : | Melayu |
| Agama | : | Islam |
| Pendidikan | : | SPM (Sijil Pelajaran Malaysia) |
| Profession | : | Pelakon |
| Bidang | : | Lakonan |
| Tahun Aktif | : | 1989- hingga kini |
| Hobi | : | Bermain Badminton |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Industri lakonan Malaysia menjadi tumpuan banyak pihak, terutamanya kepada masyarakat dalam melihat realiti kemampuan dunia dalam pementasan. Seterusnya, mempraktikkannya dalam kehidupan seharian. Alam lakonan memberi impak yang besar dalam menjamin persepsi orang luar terhadap negara kita kerana pemikiran masyarakat mempengaruhi cara mereka menunjukkan hasil kerja mereka. Rakyat Malaysia menaruh harapan tinggi terhadap industri itu, yang turut menyumbang kepada kemakmuran tempatan dan antarabangsa Malaysia.

Perkara yang dapat dihuraikan dalam kajian ini termasuklah perjuangan seorang tokoh seni lakonan Malaysia yang telah menempa nama dalam industri untuk perjalanan masa yang lama iaitu selama 33 tahun. Tuan Shaharuddin Thamby, selaku pelakon veteran Malaysia, membantu menjayakan kajian ini dengan memberikan kerjasama dalam menjawab setiap persoalan kajian.

Penyelidikan ini lebih berorientasikan tema. Manakala setiap bahagian inkuiri memfokuskan kepada tema baharu untuk Tuan Shaharuddin Thamby. Menurut laporan, individu itu telah ditemu bual dan disoal siasat mengenai dirinya secara umum. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, kami menghasilkan soalan yang lebih memfokuskan kepada bidang pekerjaan khusus beliau, iaitu dalam industri pawagam, drama dan teater. Dalam pada itu, Tuan Shaharuddin Thamby kekal aktif dalam sektor itu dan masih menunjukkan prestasi yang baik.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera. Berikut adalah merupakan temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang seni lakonan. Bersama-sama kami ialah Tuan Shaharuddin Thamby yang merupakan seorang pelakon dari tahun 1989 hingga kini. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 24 Disember 2022 bersamaan dengan hari Sabtu pada pukul 10 pagi bertempat di Kafe Finas, Kemajuan Filem Nasional, Ulu Klang. Temubual ini dikendalikan oleh Noorauni Nabilah binti Ridzuan dan Aifa Nabila binti Mohd Rahman. Sebelum itu, ingin kami tekankan, fokus soalan kami akan lebih menjurus kepada latar belakang, pendidikan dalam bidang lakonan, kemahiran lakonan, sejarah dan pengalaman kerjaya, sumbangan dan harapan Tuan Shaharuddin Thamby. Dengan segala hormatnya temubual ini dimulakan.

Petunjuk:

ST: Shahruddin Thamby
AN: Aifa Nabila
NN: Noorauni Nabilah

## BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH

**"Jadi, suka kami mulakan sesi temubual ini dengan bertanyakan tentang latar belakang Tuan, untuk lebih mengetahui diri sebenar Tuan Shaharuddin Thamby sendiri"**

AN : **Soalan pertama dari saya, Apakah nama sebenar Tuan?**

ST : Nama saya Shaharuddin bin Tambi, maknanya cuma bila di *commercialist* [komersil] kan tu nama Thambi tu jadi dia sepatutnya T A M B I tu yang *original* [asal] ya tapi bila saya jadi pelakon saya *commercial* [komersial] kan nama dia Shaharuddin tu sama tapi Tambi tu T H A M B Y *so* [jadi] dia ada beza tambi dgn Thamby (ketawa) sikit tapi kalau *pronounce* [sebut] sekali tu sama je lah Cuma ejaan jelah lain tu beza lah.

AN : **Terima kasih Tuan, soalan berikutnya bilakah Tarikh kelahiran Tuan dan dimanakah Tuan dilahirkan?**

ST : *Okay* [baiklah] Saya lahir ni saya taknak bagi Tarikh yang betul lah sebab ini agak *confidential* [sulit] ya okay lebih kurang *so* [jadi] dia lebih kepada menyambut hampir nak menyambut kemerdekaan lah tu masa tu Tarikh lima puluh tujuh (57) tu maknanya sebelum menyambut kemerdekaan tu saya dah lahir ye 31 Ogos 1957 kan dia orang sambut merdeka *okay.*

AN : **Seterusnya dimana kah Tuan tinggal sekarang?**

ST : Saya tinggal di Ukay Perdana di Taman Seri Ukay Perdana di Apartment bistaria di Ukay jalan Ulu Klang sana lah

AN : **Berapakah bilangan adik beradik Tuan dan Tuan merupakan anak ke berapa?**

ST : *Okay*.. Saya mempunyai lapan (8) orang adik beradik saya adalah yang sulong so kami tiga (3) orang lelaki dan lima (5) orang perempuan

AN : **Boleh Tuan ceritakan sedikit mengenai ahli keluarga Tuan?**

ST : Yang pertama saya lah ya, saya sorang yang jadi orang seni ni maknanya berkecimpung dalam bidang Teater,Drama dan Filem. Yang lain lain tu tak mengikut jejak saya lah saya pun tak tahu bakat tu daripada mana daripada kedua ibu bapa saya arwahnya takda saya rasa. Tapi mungkin disebabkan semula jadi saya minat pada bidang lakonan disebabkan oleh faktor Ketika itu dipengaruhi ataupun orang panggil apa tu, .saya begitu mengikuti perkembangan filem pelakon pelakon "Jalan Ampas" ketika itu seperti Eskar Darisma,Nordin Ahmad,P.Ramlee,Ahmad Nisful, arwah A. Rahim dan ramai lagi lah dan pelakon Wanita pun begitu juga. Jadi disebabkan ketika kita zaman tu TV[[televisyen] ni [ini] *black and white* [hitam dan putih] dan ia juga agak *limited* [terhad] bukan semua orang mampu zaman saya tu nak beli TV so lagipun kita ni boleh di katakan Ketika itu keadaan kami..ekonomi kami bukan dari tidak tidak besar ya.. ekonomi kami kecil jadi tidak dapat nak membeli barang barang macam untuk kita menonton *especially* (terutamanya) untuk TV lah, disebabkan saya minat..apa pelakon pelakon "Jalan Ampas" tu yang membuatkan saya teruja dan ada menyimpan Hasrat untuk menjadi pelakon suatu hari nanti dan ditakdirkan walaupun saya tidak berkecimpul terus dalam bidang itu.. Ketika itu saya bekerja tapi lama lama dia makin makin makin apa orang panggil tu mengusik jiwa saya untuk saya teruskan niat saya dulu..makna selepas saya habis sekolah semua dan

saya sekolah pun tak tinggi setakat SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] kalau dulu orang panggil MCE [ Malaysian Certificate of Education] *so* ketika itu ramai yang nak berkecimpul dalam bidang seni terutamanya generasi saya zaman itu lebih kepada banyakkan nya suka mencebur bidang sukan, bidang bidang professional mereka melanjutkan pelajaran sehingga ke Universiti kan ada yang jadi *lawyer* [peguam] ada yang jadi Doktor macam macam lah ya kawan kawan saya *batch* [kumpulan] sekolah tu. Berbalik pada soalan tadi yang dimana *you* [awak] cakap apa adik beradik, *okay* [baiklah].. adik beradik saya yang lelaki nombor dua (2) lelaki pertama saya yang kedua lelaki yang ketiga lelaki *so* yang keempat tu perempuan sehingga lah yang ke lima (5),enam(6),tujuh(7) dan lapan (8). Maknanya yang lima(5) orang tu semua wanita. Perempuan ya dan masing masing mempunyai kerjaya masing masing ketika itu lah Ketika kami tu maknanya kami sekolah tu ada yang sampai apa tamat pengajian semua tu kan tapi mereka ni bila tamat pengajian orang cakap tu rezeki dia orang ni nak jadi isteri orang tu cepat, jodoh tu cepat jadi nak melanjutkan pelajaran pun dari segi kemampuan tu tidak mengizinkan jadi kebanyakan setakat SPM lah lepas tu zaman dia orang dah masuk SPM dah nama tu SPM bukan MCE lagi so kebanyakkan nya setakat MCE lah apa SPM lah dan berumah tangga dan bekerjaya lah mereka hanya mempunyai kerja maknanya dia orang memang ada kerja dan juga *housewife* [surirumah]. Yang lelaki pun begitu, ada macam adik saya nombor dua (2) tu maknanya yang selepas saya, dia dulu ada business [perniagaan] tapi disebabkan fakta masa tu zaman zaman kegawatan ada dua (2) kali zaman kegawatan tahun 85 (1985) tahun 1998-1997 jadi dia terpaksa tutup

juga perniagaan dia, yang ketiga tu dia *self independent* [berdikari] maknanya dia berusaha secara sendirian berniaga. Berniaga macam ni Pasar Malam ditempat yang ada keramaian ada pesta begitu lah sehingga kan bila dah berkahwin mempunyai anak anak semua jadi dia terpaksa factor umur jadi dia tak boleh nak terus berniaga je jadi dia terpaksa tukar kerjaya dia jadi apa tak silap saya dia bawa kenderaan teksi lah… *Airport* [Lapangan Terbang] KL [Kuala Lumpur] *Airport* maknanya *limousine* [kereta mewah] lah..dia bawa *limousine so* dia kena *standby* [tunggu] kat hotel lah selalunya orang panggil *tourist* [pelancong] ni yang di hotel ni dia suka pakai *limousine* kereta yang besar besar dia lain sikit daripada macam teksi biasa *limousine* ni dia *special* [istimewa] sikit lah sehingga lah dia pencen dia dah tak larat nak bawa sebab mata apa faktor umur kadang mata kita silau lah apa lah so dia pencen lah.

AN : **Seterusnya, dari apa yang kami lihat dari account Instagram Tuan, Tuan kelihatan aktif dalam sukan badminton, adakah itu hobi Tuan?**

ST : Haa sebenarnya memang dari sekolah lagi zaman saya sekolah dulu memang saya ni aktif sukan saya main bola sepak , main takraw, saya main *table* [meja] tennis, saya main hoki, saya main badminton kan. Tetapi bila saya bila itu masa tu kebanyakkan zaman tu masa sekolah maknanya memang saya aktif masa .masa sekolah. I*n fact* [sebenarnya] jadi atlet pun saya pernah di balapan berlari tapi orang cakap rezeki kita bukan ke situ sebenarnya bukan nak jadi ahli sukan yang hebat kita tak tau kan kita punya perjalanan mencapai cita cita tu dia tak nampak. Macam saya, takda macam ada..kita ada target kita tak fikir tau tapi dia

dengan macam akan datang secara sendiri maknanya dia dari segi apa kesedaran diri lah maknanya *you* kau nak jadi apa kau nak jadi tu ke.. jadi menda menda [perkara perkara] tu [itu] lama kelamaan baru kita dapat tangkap bahawa yang lain aku tak minat cuma suka tengok TV je (ketawa) jadi dia punya *hint* [petunjuk] kat situ lah suka tengok TV tu maknanya macam kalau cerita melayu zaman dulu *black and white* tu memang saya kat depan TV lah. *So* kita minat lah pelakon zaman zaman "Jalan Ampas" tu dulu. Mereka ni merupakan inspirasi kepada saya sebab itu saya menanam semangat untuk jadi seperti mereka satu hari nanti. InsyaAllah, masa tu lah kan masa tu kita pun tengok apa tengok TV tu pun menumpang rumah orang tahu maknanya kan rumah saya sini rumah jiran sini haa pastu kita kan TV buka ke? (ketawa) Haa buka datang lah jadi kita pun menduyung lah pergi pasal cerita melayu. Kalau cerita melayu je mesti saya akan tengok yang lain tu saya tak minat masa tu.. Saya suka tengok cerita melayu zaman "Jalan Ampas" punya cerita melayu banyak macam macam cerita kan.. P.Ramlee berlakon lah, Nordin Ahmad macam macam Sadiah lah Sarimah lah zaman saya masih dalam persekolahan.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**BAHAGIAN 2: KERJAYA**

**"Baiklah, seterusnya kami akan bertanyakan soalan mengenai pendidikan dalam seni filem dan teater Tuan"**

AN : **Boleh Tuan huraikan maksud dari segi perfileman dan teater dari pandangan Tuan?**

ST : *Okay* dia ada beza antara teater dan filem atau pun TV..pelakon TV..pelakon teater..pelakon filem..ada sedikit perbezaan dari segi *presentation* [persembahan] dia.. maknanya persembahannyaa kalau kita tengok di teater ni ya dia teater ni zaman dulu lah saya pergi balik kegiatan sebelum zaman dulu tidak ada orang cakap Universiti nak mengajar tentang lakonan *directing* [mengarah],*editing*[penyuntingan] nak mengajar tentang *script writing*[tulis dialog] takda Universiti takda ajar masa tu takda pun *course* [kursus] tu takda subjek *matter* [perkara] ataupun untuk mengambil *course* itu tidak ada zaman saya .jadi bagaimana kami nak mendidik diri kami atau pun nak menyesuaikan diri menjadi seorang pelakon kita terpaksa mencari tempat sendiri .maknanya kita terpaksa mencari *group* [kumpulan] dia kita kena mencari group mana yang ada buat persembahan teater *so* asas nya maknanya persembahan teater itu disitu boleh lah kita belajar sedikit tentang *acting* [berlakon],*directing* [mengarah],permulaan macam macam lah itu asas kat situlah.. *so* zaman dulu macam saya begitu lah kalau.. bila saya nak jadi pelakon saya kena Syarikat mana aku nak..kat mana aku boleh dapat pengalaman untuk menjadi seorang

pelakon makna kena cari guru juga lah kan..cari guru..tapi saya dapat juga lah *join* [sertai] dua (2) tiga (3) kumpulan masa tu di bidang teater dan selepas itu,selepas di bidang teater baru lah saya dapat apa..dapat berlakon mungkin semasa di teater tu orang perasan kita..dia tengok persembahan kita mungkin ada sedikit apa..sedikit apa orang panggil ni kelaianan atau pun kemantapan lakonan itu tadi dia pun mungkin teruja untuk memanggil kita berlakon..untuk mengambil kita menjadi seorang perlakon di TV ye bukan di filem di TV. *So* saya pun terima juga lah tawaran itu dan watak saya yang pertama sekali yang berlakon ada dialog adalah saya menjadi seorang apa orang panggil ni *parking boy* [penjaga parking lelaki].. maknanya apa budak menjaga *parking* [tempat letak kenderaan]..bila dia parking tu kita minta duit..haa seringgit (RM 1) Encik..dua puluh sen (RM 0.20) .. kalau dulu dua puluh sen (RM 0.20) Encik..lima puluh sen (RM 0.50) Cik.. terpulang pada dia orang lah ..kita mintak dua puluh sen (RM0.20) tapi dia mungkin bagi lima puluh sen (RM 0.50)..lima puluh sen (RM 0.50) zaman tu dah besar dah seringgit lagi besar seringgit tu macam sepuluh ringgit.. haa kan. So itu watak pertama saya di TV. Kemudian baru lah ada macam apa tawaran-tawaran yang lain kesinambungan dari situ tadi orang *notice* [perasan] lah maknanya mereka *notice* ohh pelakon ni ok ok ok.. dia tengok ada sedikit keunikannya atau kelainan dari segi pembawakan wataknya jadi mereka ni mempelawa kita menawarkan kita untuk berlakon TV mereka lah.. haa kan. Kemudian baru bila kita dah mula mendapat perhatian dari pihak stesen TV baru lah penerbit penerbit filem pula panggil kita. Dia ada proses sebenarnya. Itu proses lah mula kita bermula di teater selepas kita di teater kita

di apa.. di medium TV selepas ke TV kita meningkat pergi ke medium filem pula *so* ada peringkat peringkat untuk jadi seorang pelakon yang orang cakap nak jadi seorang pelakon yang cukup. Cukup lah maknanya cukup apa orang panggil tu cukup rasa lah orang cakap kan cukup pengisian dia maknanya dia tahu teater, dia tau TV punya, dia tahu filem. Haa untuk maknanya insyallah lah kan bab asas nya begitu lah untuk menjadi seorang pelakon supaya..supaya kita tidak berlakon secara yang tak jujur pada diri sendiri. Dia berlakon ni kena jujur dia tidak boleh macam buat buat je tidak.. dia kena jujur dengan diri sendiri. Kalau tak boleh cakap tak boleh kan kalu tak boleh buat adengan ni cakap tak boleh buat kalau boleh buat yang terbaik lah haa begitu lah dan ok kita berbalik lagi dan memang untuk menjadi seorang pelakon ni dia mempunyai kategori di mana sama ada dia tu *born talent* [bakat semulajadi] dia ni memang seorang *born talent* sama ada dia *musician* [ahli muzik] ke dia seni tari ke dia pelakon ke penyanyi ke dia mesti..mesti ada menda menda macam itu ya tapi bukan semua orang is a *born talent* maknanya bukan semua orang ada bakat semula jadi (ketawa) takda. Saya, saya rasa saya takda pun bakat semula jadi..jadi macam mana proses tu..itu lah proses tadi berbalik..berbalik pada cerita tadi yang asasnya yang didikan yang saya dapat adalah dari teater haa asas tu saya dapat didikan dari teater proses saya menjadi pelakon itu tadi bermula di teater. Di teater itu lah kita dapat tiga empat orang guru yang mengajar kita supaya berlakon cara dia macam ni Teknik dia macam tu macam ni ini sasaran dia..ini kesatuan dia ini matlamat dia ..ini motif dia..jadi dia ada sasaran dia..alur alur dia..sasaran menuju tepat kepada apa

kita punya *what you call that* [apa awak panggil tu]sampai kita punya sampai kita bertemu dengan titik tadi tu aa di situ lah maknanya.

AN : **Soalan seterusnya, antara seni perfileman dan teater yang mana satu kah Tuan lebih menghayati?**

ST : Sebenarnya memang ada berbezaan di antara teater dan filem baik TV juga. Disini teater ni lebih kepada ruang penguasaan seorang pelakon makna teater ni memang.. memang hak pelakonsaya bukan cakap teater ni secara..secara apa secara random tidak eh. Maksud saya specifiknya macam ni, bila kita berlakon teater bila kita mebuat satu persembahan teater cakap on saja.. maknanya action adengan itu babak satu itu maknanya kalau missal cakap pelakon tu salah terlupa dialog ke tersasul ke apa menda.. *director*[pengarah] tak boleh cakap *cut*[potong] sebab persembahan tengah berjalan. Dalam teater tidak ada *cut,* bila buka je *curtain* [tirai] tu, tirai buka, persembahan, lampu *on* [terbuka], persembahan dijalan kan,dipersembahkan, misal cakap ada pelakon terlupa dialog ke apa menda ke dia tetap jalan je pengarah kat bawah ni takut..dah takut lah sebab apa..salah ni dia dan terlupa dialog ni.. dia takleh cut. Berbeza dengan filem atau drama kita tersasul apa..cut.. beza tau..maknanya di filem dan drama dia orang boleh cakap dengan pelakon tu cut..salah tu dia punya dialog lari.. kau punya dialog tak betul.. kau kena buat balik *take two* [kali kedua] dia buat.. buat lagi sehingga dua tiga kali selagi salah *cut cut cut* lah sehingga dapat yang terbaik. Tapi di teater bila kita sudah berlakon babak pertama walaupon kita salah babak pertama akan diteruskan juga ke babak ke dua. (ketawa) dan tidak ada *cut* dia akan terus persembahan tu cakap lah satu jam. Satu jam punya persembahan

untuk teater pelakon tu banyak buat *mistake* [kesalahan] *director* . Pengarah kat bawah ni tak boleh jumpa pelakon pun sebab dia kat bawah ni tengok persembahan kan. Dia mungkin boleh catit (mencatat) lah dia ni silap ni ni ni.. pengarah apa.. pengarah akan catit kesilapan kesilapan pelakon dia..haaa nanti dekat luar nanti kena lah..kena tegur..kena kena kena berbetulkan balik kesilapan apa pengarah akan bagitau lah apa silap kau perbetulkan ni ni jangan ha itu beza dia lah. Tapi dari segi lakonan ni ada juga orang teater cakap bila dia berlakon filem atau drama lakonan dia keras sebenarnya bukan.. bukan keras Cuma adaptasi je sama ada pelakon itu memahami watak dia atau tidak itu saja. Tetapi di teater ni..untungnya adalah mereka berteater.. mereka ni menggunakan aset aset yang ada pada diri sendiri seorang pelakon ya tak kisah lah pelakon teater ke pelakon filem ke drama ke mereka menjual aset mereka. Apa aset aset mereka..wajah mereka, suara mereka,tubuh badan mereka itu aset dia haa itu yang dijual. Kalau kita tengok zaman sekarang pon kalau TV nak mohon apa menda nak mintak pelakon pun apa yang dia mintak dulu? (bertanya) apa dia mintak dulu? Apa yang dia suka dulu? Followers..followers hahaha (ketawa) tapi dia termasuk lah tu.. tapi bila followers ramai mesti lah orang tu cantik.. handsome kan. Itu.. itu kita terpaksa akui juga lah kan. Tapi tak semestinya bila followers tu ramai tak semestinya mereka tu bagus tak semestinya..tidak..itu lebih kurang macam orang panggil kau Cuma jual aset yang belum..yang belum teruji lagi kalau menjadi seorang pelakon ni dia harus diuji dari segi lakonan dia, tahap pemikiran dia,tahap persembahan dia,tahap mental dia, tahap fizikal dia bagaimana Ketika dia berlakon, adakah dia dapat absorb watak itu,dapat

menterjemahkan watak itu, dapat..dapat memberi satu warna kepada watak watak itu. Jadi ini lebih penting sebenarnya. Kalau zaman dahulu memang begitu,zaman saya dulu mereka pentingkan yang ini bukan pasal followers ke pasal muka cantik ke bukan semua takda. Tapi zaman sekarang kita kena terima juga lah sebab itu dah jadi macam peralihan, trend dari segi media medsoc. Medium medium ini tadi yang telah menukar rentak atau pun cara penilaian lah orang cakap. Kalau dulu tak, dulu kau tengok drama lakonan bagus lah bagus lah uuu makcik suka macam tu kan. Dia orang akan puji tau… orang kampung ni dia akan suka pelakon yang boleh memberi mereka.. yang..yang touch yang mengusik jiwa mereka mengusik hati mereka…mereka akan tersentuh dan mereka akan ingat kita kalau kita dia jumpa mana mana pun dia akan tegur..oh ni ya..makcik suka..makcik suka dia cakap.. mereka begitu. Serupa juga kalau kita berlakon filem begitu juga ya. *follower* [pengikut] filem ni pun bila mereka dah taksub dengan pelakon tu..tu yang datang rumah hantar bunga hahaha (ketawa) hantar itu hantar ini.. macam macam lah *present*[hadiah]. Ini tak dinafikan memang pelakon bila dia sampai tahap dimana orang macam bukan gila tapi meminati mereka..mereka akan mendapat sesuatu hadiah hadiah dari peminat mereka ni tadi. Tak kisah lah dah kahwin ke..macam masa saya berlakon saya dah kahwin tapi saya terima menda menda macam ni surat ke apa menda ke kan itu biasa tapi kita kena apa hargai.. menghargai lah memberian mereka.. kita tak boleh lah cakap kita taknak.. tak boleh itu itu dia orang niat mereka nak menghadiah kan sesuatu yang untuk kenang kenangan kita.. kita harus terimanya

dengan hati yang terbuka dan mengucapkan terima kasih kerana mereka suka dengan lakonan yang telah kita persembahkan.

AN : **Secara umumnya, boleh Tuan senaraikan nama institusi Pendidikan lakonan yang Tuan pernah terlibat?**

ST : Saya tidak... tu yang saya cakap zaman saya takda institusi.. hahaha(ketawa) zaman saya tu tahun 80 an tak silap saya 89an, 90an. Saya rasa zaman tu tidak ada lagi university yang mengajar tentang *script writing, directing,acting* banyak takda takda. Cuma saya mendapat Pendidikan itu..macam saya cakap tadi lah saya bergerak di atas teater..kumpulan teater saya bergerak di atas kumpulan *platform* teater. Saya tidak bergerak di institusi pengajian tinggi atau pun dia apa institusi yang mengajar apa apa mengajar tentang apa kursus lakonan.

AN : **Jika tidak keberatan, boleh Tuan ceritakan apa yang tuan ingat semasa mempelajari ilmu perfileman dan teater tersebut?**

ST : Teater ni dia mempunyai asas asas yang memang merupakan satu asas Teknik persiapan sebagai seorang pelakon. Di teater itu asas dia. Maknanya di situ kita ada asas *verbal training,* [Latihan lisan] kita macam dia macam orang nak jadi penyanyi lah dia kena ada suara yang boleh sampai misal cakap lah kalau persembahan teater ruang antara ruang pentas dan ruang menonton agak jauh berjauhan. *So* suara kita sebagai seorang pelakon pentas harus sampai harus sampai kepada yang akhir di belakang tu sekali mungkin ada 20 *row* [barisan]20 kerusi yang 20 lah maknanya jarak tu 20 kerusi nak sampai ke pentas atau 30 kerusi *row* dia tu Panjang dia tu. Jadi kalau suara pelakon teater tu tak sampai

kepada yang belakang ni maknanya pelakon tu gagal sebab suara tak didengar dengan jelas. Itu zaman tu. Tapi ya terpulang kepada persembahan di mana. Ada Ketika di dewan yang agak canggih auditorium yang canggih dimana mereka ada *mic* [microfon] ada *mic* yang di gantung kat atas pentas tu ada yang *codless mic* [microfon tanpa wayar] yang kita letak dekat sini (sambil menunjukan atas kepala) atas kepala terpulang lah tapi asas pelakon teater pertama sekali dia kena *train vocal* dia aa *vocal* dia ini penting sebab teater ni dia orang panggil *vocal production [penghasilan vocal]* apa *projection* [unjuran] maknanya lontaran suara macam saya cakap ni hahahaha (ketawa) lontaran suara Nampak tak dia lain kan lainkan.. *in fact* [sebenarnya] bila saya bercakap ni konon macam saya berlakon teater kuat sangat suara saya sebab memang dah semula jadi begitu kan bila saya dah berlakon teater dia memang lontaran tu akan lebih jelas lebih padat sebab kita memang ada *vocal training* kan bukan sebab itu saja buka setakat *vocal training* saja.. kita ada fizikal *training*[Latihan] juga, fizikal *exercise* [Latihan] maknanya *warming up* [memanaskan badan] makna kita kena longgarkan longgar kan urat urat, perjalanan darah untuk kita relaks untuk kita dapat *energy* [tenaga] untuk pernafasan haa Teknik pernafasan juga ada *vocal* apa di teater ni kita belajar juga macam mana Teknik pernafasan supaya lontaran *vocal* tu sampai begitu juga dengan Teknik apa fizikal kita bagaimana kita melonggarkan urat urat dan perjalanan darah tu supaya dia *smooth* [licin] dan tidak ganggu tak ganggu kita dengan apa ni kadang kadang kita tergeliat apa dalam lakonan teater ni kita boleh tergeliat tau maknanya kita berjalan kitab oleh tergeliat. Jadi kalau kita nak elak kan menda menda macam tu *so* kita kena..kena

*exercise warming up* [senaman memanaskan badan] maknanya kita kena *warm up [memanaskan badan]* apa kita kena buat supaya perjalanan darah tu betul supaya kita tidak apa tersangkut dengan menda menda[perkara perkara] macam ni dia nanti dia jadi macam ganggu kita. Bila kita sakit contohnya kita sakit dekat pergelangan buku lali contohnya terseliuh bial kita berlakon gerenti takkan sepenuh 100% sebab ini sakit ni *so* ini dah mencuri kita punya tumpuan lakonan haa dah mencuri aduh sakitnya.. (sambil memengang pergelangan tangan) aduh sakitnya tapi aku kena berlakon ni tak boleh menunjukan aku sakit sebab kamera tengah *on* atau masih di atas pentas dan berbeza juga dengan TV. TV ni atau pun filem kebanyakkan nya pelakon pelakon ini tadi di ambil kebanyak banyakan nya tidak ada asas tidak ada asas lakonan seperti yang saya sebut tadi kalau mereka tidak ada asas sama ada mereka masuk institusi pengajian tinggi yang mengajar filem atau teater dalam lakonan tak kisah lah apa menda pon mesti ada asas dia orang mesti ada asas. Dia orang mesti ada ilmu..dia kena ada ilmu untuk menjadi seorang pelakon ni. Takda ilmu susah sebab apa kita..kita tak faham..tak faham... kita Cuma cakap..Oooo okay saya jadi *character* sebagai anak orang kaya setakat anak orang kaya je setakat tukar pakaian pakai *smart* [kemas] pakai *coat* [blazer] pakai kereta canggih canggih oh tu sebenarnya orang kaya. Tapi yang penting adalah dari segi pemikiran watak itu. Bila pemikiran watak itu betul dia akan terpancar Ketika kita dalam lakonan bila kita faham haa dengan sendiri dia akn terpancar Ohh begini anak orang kaya dia bukan setakat kau pakai *coat* pakai *tie* [tali leher] pakai kasut *smart* pakai kereta *BMW* ke tapi pemikiran kau macam orang kampung. Mintak maaf saya bukan maksudkan begitu, pemikiran

dia kolot lah orang kaya pemikiran dia bukan seperti apa yang kita gambarkan.. tidak dia orang bukan begitu dia berbeza tau antara pemikiran orang kaya dengan pemikiran orang orang yang serdahana dan miskin ni dia amat amat berbeza tak sama kan bila kita dah campur dengan mereka baru kita tahu begini dia orang ni tapi kalau dengan orang miskin atau orang serdahana hidup mereka..mereka ni lain.. memang jauh beza dia tapi kalau kita bergaul dengan *middle class above* [kelas pertengahan] ni memang berbeza. Maksud saya disini adalah pemikiran saya tak bercerita tentang yang lain maksud saya pemikiran makna apa yang mereka fikirkan apa yang ada dalam kepala mereka, hidup mereka untuk apa kan macam orang kampung ni kita tau orang kampung ni orang yang miskin ni yang penting mereka.. mereka berusaha berusaha sebab anak nak belajar Universiti lah macam macam lah mereka buat untuk menampung kehidupan ya.. berusaha siang dan malam..kais pagi makan pagi kais petang makan petang tapi macam *different* [berbeza] dengan orang orang yang mewah ni mereka tak fikir begitu apa mereka nak ada..ada…ada…sebab ni orang cakap rezeki tu memang dah ada untuk mereka maknya mungkin orang cakap mungkin dah ada daripada datuk, nenek mereka tu memang dulu dulu zaman saudagar saudagar menjadi orang kaya dah memang ada harta maknanya mereka memang tak..tak susah lah macam orang yang susah tadi dimana kerja tu kalau kita kerja ada gaji takda kerja takda gaji macam tu macam mereka ni aku tak kerja pun takpe duit aku ada… maknanya…saya bercerita tentang pemikiran ya..*thinking* [pemikiran]..*different thinking* [pemikiran berbeza] antara orang kaya dengan orang yang susah yang miskin dia takkan sama dia tak boleh sama punya

memang berbeza pemikiran mereka punya macam kita kat sini orang orang yang macam ni dia akan fikir macam mana aku nak buat anak aku nak pergi...nak nak sambung belajar Universiti macam mana aku nak dapat duit lebih macam macam dia fikir lah apa aku nak buat aku nak potong rumput ambik upah aku nak tebang pokok ambik upah aku nak buat belanja ni aku nak suruh bini[isteri] aku berniaga goreng pisang tepi jalan jadi ini untuk menampung sebab nak *support*[sokong] anak nak masuk Universiti. Anak duduk talifon mak duit takda..mak duit takda..ayah duit takda..duit tak cukup ayah sebab apa saya bercerita ni sebab kenyataan nya begitu kebanyakan orang yang pergi Universiti ni kebanyakan nya orang orang luar bandar dan mereka bukan orang senang. Saya terbaca satu artikel baru ni dia orang tak cukup makan takda makan tau dia cakap saya dah tiga hari tak makan ini cerita betul bukan cerita loklok [tipu] so dia *have the initiative to have a food bank* [mempunyai inisiatif untuk mempunyai bank makanan] dia orang buat satu *food bank* [bank makanan] antara kelompok kelompok Universiti. Saya baca ni tau saya cakap apa yang saya fikir tu betul saya cakap. Dalam drama saya baru baru ni saya terfikir saya cakap betul saya cerita dalam drama tapi saya tak *details* [menyeluruh] kan. Dia orang ni ada duit tapi duit ni guna untuk lain aku tak boleh gunakan duit ni nak makan je aku terpaksa simpan sikit duit ni aku tak makan pun takpe lah aku makan roti ke maggi ke janji aku dapat jimat dia beza tau makan. Moral ekonomi antara yang disini tu berbeza beza. Kalau dekat sini Starbuck kopi berbelas belas ringgit kalu dekat sini kopi o baru singgit lebih mungkin kongsi dua (2) orang. Bayang kan nak beli Starbuck belas belas ringgit ikan padahal duit ni aku nak pakai takkan

aku nak Starbuck je beza lah. Itu maksud saya dari segi pemikiran berbeza nya cara mereka berfikir tadi tapi nak buat macam mana dah memang begitu kehidupan.

AN : **Soalan seterusnya adakah Pendidikan yang diterima pelakon zaman dulu dan zaman kini itu berbeza?**

ST : Kalau zaman dulu *okay* yang beza nya takda sijil lah macam saya takda sijil walaupun saya belajar. *Okay* saya dulu belajar dalam satu pentas dulu kumpulan. Di satu kumpulan nama dia Markaz Drama.. eh bukan Markaz Drama..Drama Center lah..yelah Markaz Drama nama dia Drama Center yang guru saya tu arwah tu merupakan pelajar daripada Out Of Broadway enam (6) tahun dia disana belajar bidang teater Out Of Broadway kemudian dia balik saya berguru dengan dia lah.. nama dia Allahyarham Mustafa Noor sebab dia ni.. banyak arwah banyak menyumbang..menyumbang apa dari segi ilmu lakonan kepada kami lah dan Ketika itu bila saya belajar memang takda sijil tapi pembelajaran saya tiga (3) tahun..tiga tahun *solid* [padat] tiga tahun tapi tidak ada sijil lah takda pengiktirafan lah pengiktirafan maknanya *recognition* [pengiktirafan] kalau Universiti ada *recognition* betul. *You* ambik peperiksaan ni baru you dapat *certificate whatever* [sijil apa pun] lah *degree* [ijazah] ke ataupun diploma ke macam saya tiga (3) tahun kalau ikut kan diploma atau *degree* lah tu lebih kurang lah tu kan.. tiga tahun senang cakap diploma lah kan tapi saya takda.. tapi saya tamat kos tamat pembelajaran tu tapi kalau zaman sekarang itu lah tadi pengiftirafan *you..you* kena ambik peperiksaan baru *you* di iktiraf sama ada you

di *recognize or not depend on you* [mengenali atau tidak bergantung pada anda] punya *result* [keputusan] kalau *you* lulus baru keluar *certificate you* dapat lah diploma punya *certificate degree* punya *certificate right*[betul].

AN : **Pada pendapat Tuan, adakah perbezaan dalam Pendidikan yang diterima oleh seseorang pelakon itu mempengaruhi seni perfileman dan teater negara kita?**

ST : Saya rasa kemungkinannya ada sebab aliran lakonan ni banyak..aliran lakonan ni banyak. Di America tu, ada macam macam..di Russia pun ada macam macam, di German pun, di Perancis, Itali *so* kaedah kaedah ni banyak dia bukan satu *method* [cara]je dia bukan satu kaedah je dia ada banyak kaedah. Tu terpulang lah kalau *you* belajar tu *you* dapat *method* yang mana siapa yang mengasahkan bakat itu ataupon kaedah itu jadi banyak cara memang banyak cabang lah dia orang panggil ni apa pendekatan menjadi seorang pelakon ni maknanya persembahan seorang pelakon ni dia ada pelbagai teknik. Teknik dia mengajar tu asas teknik untuk meletakkan diri awak.. anda sebagai seorang pelakon.

AN : **Sepanjang mempelajari ilmu lakonan dan teater apakah pengalaman yang paling pahit Tuan pernah hadapi?**

ST : Saya.. saya masa dalam teater yang paling pahit masa saya.. saya belajar lah..saya masa dalam sesi pembelajaran. Contoh begini lah, syarat nya untuk masuk kelas ini dia mesti tepat *on time*[tepat pada masanya] pukul 5 petang. Pukul 5 petang daftar. Mesti dah ada dah dekat kelas. *So,* sebelum nak datang kelas tu kita kena

pergi daftar dulu nama dekat *blackboard* [papan hitam]..kan..nak mengata akan hadir. Dulu takda lah *WhatsApp*..mana ada *WhatsApp* zaman tu kan.. Telefon pun mana ada kena pergi *public* [telefon awan].. kan.. *so* dia lebih..*sorry*..[maaf] orang panggil kena..kena tempat yang kita nak berlatih tu nak belajar tu setiap tempat kita nak belajar kita kena letak nama kita akan hadir pastu kita tunggu lah pukul 5 nanti maknanya kita buat dulu lah kerja lain kan.. *so* bayangkan masa tu saya kerja..saya ada pekerjaan. Saya balik kerja pukul 5.. macam mana saya nak datang pukul 5 tepat ni.. sebab kita kena ikut masa bila cikgu cakap pukul 5 *you must be on that time at 5pm* [anda mesti berada pada masa itu pada pukul 5 petang]. Sedangkan aku kerja ni aku balik kerja baru pukul 5 habis habis nak kena sampai situ pukul 5.30 (ketawa) terpaksa juga lah curi juga masa letak nama saja tapi saya akan datang lambat lah cakap lah pukul 5 saya datang pukul 5.15 petang, 5,20petang tengok jem kereta jadi makan masa jadi memang macam kita tengok cikgu tu Ketika kita datang lewat dia macam mungkin kita ingat dia tak ambik *port* pon dengan aku..sebab aku datang lewat..dia bagi orang yang tulis nama nombor satu (1), nombor dua (2), nombor tiga (3), nombor empat(4). Orang yang satu(1),dua(2),tiga(3),empat(4),lima(5),enam(6) ni mereka..mereka je buat persembahan boleh dikatakan hari yang sama hari hari nama ni jelah sebab apa mereka awal letak nama (ketawa) kan kan kan *so* macam mana tu saya cakap payah aku susah macam mana ni cikgu ni dia pilih macam tu je maknanya yang lain lain tu..dia ada macam tugasan dia ada satu naskah dua *page* [mukasurat] untuk kita hafal dan berlakon dengan *partner* [pasangan] kita *so* kita kena bersedia untuk buat persembahan di depan guru tapi kita dah bersedia lah

ni kita pun dah bersedia tetapi kita tak dipanggil lah sebab nama kita turun tu dah lah tiga puluh lima (35), dua puluh lima(25), empat puluh(40) kan jadi memang *last* [lambat] kita lewat.. *on time*. Jadi yang selalu dapat adalah nombor (1) sampai enam (6) atau pun nombor lapan (8) sampai nombor lapan (8) dapat menunjukkan lakonan maknanya macam sesi persembahan lah persediakan kau dengan *partner* [pasangan] tunjuk depan cikgu konon kau jadi bapa dia nii jadi anak. Contoh lah dia ni jadi sahabat ni pun jadi sahabat macam mana dan cerita tu sahabat dgn sahabat atau anak dengan bapa begitu lah..persembah..persembahkan lah tak kisah lah *girlfriend boyfriend* [teman lelaki dan teman wanita]pun.. *so* macam kami yang selalu datang lambat ni kita tengok orang jelah lama lama terfikir dalam kepala sampai bila macam gini je kan mahu *giveup* [putus asa] ni kan.. tapi saya tak tahu lah takda istilah putus asa Ketika itu pada diri saya sebab saya dah menanam diri nak menjadi seorang pelakon. Jadi saya usaha juga dimana satu hari saya ambik cuti..saya ambik cuti lah kan taknak kerja semata mata nak dapatkan nombor satu(1) itu pun saya ingat kan saya dapat nombor satu (1) rupanya jatuh nombor empat (4) ada orang lebih awal daripada saya (ketawa) tapi kita lega lah takpa lah aku nombor empat (4) pun nombor empat(4) lah *at least* [sekurang-kurangnya] aku tidak tersenarai lagi tiga puluh (30) ke dua puluh (20) lebih ke jadi aku *one* [satu], *two*[dua],*three*[tiga],*four* [empat] maknanya nombor empat (4) (batuk) nombor empat (4) maknanya ada peluang lah nombor empat (4) ni haa maknanya nombor satu (1), nombor dua (2) ni geng dia lah.. dia akan berlatih dengan geng dia lah so nombor empat (4) ni insyaallah dapat lah memang dapat lah *so* bila dapat dia

suruh lah kita buat persembahan *so* saya pun panggil lah kawan saya buat persembahan konon konon saya jadi bapa.. ni anak..konon konon saya bawa lah paip [rokok paip] nak tunjuk ni kita bapa bawa lah paip konon konon hisap lah tapi tak menyala lah *action* [berlakon] saja ..paip tu tak menyala pon berdialog lah tak sampai 2 minit *stop* [berhenti] dia cakap kita pon..eh bukan *stop* dia cakap *cut.* [potong].*cut* [potong]..*sorry* [maaf]. kita pun cakap eh apasal *cut* aku punya adengan baru dua (2) minit ni kita ni kurang kurang paling paling pun empat (4) minit ini baru bergerak dua(2)…tiga (3)..langkah duduk bangun *cut* lepas tu kita tengok ni sila duduk dia cakap saya *frust* [kecewa].. (ketawa) aku dah lah ambik cuti (ketawa) aku nak lah cikgu ni komen aku punya lakonan tak sampai minit(2) minit dia suruh kita *cut* dia suruh kita duduk tak *frust* ke aku dah lah ambik cuti satu hari nak dapatkan nombor empat (4) je (ketawa) kan itu pengalaman yang buruk lah bagi saya kan kita terasa macam tidak dihargai langsung lah.. kita pada pandangan kita cikgu ni tak menghargai lah tapi dia tak tahu takkan kita nak cerita pula kita *sacrifice* [pengorbanan] kita punya cuti kan.. kita pun frust je dengan monyok [masam muka] (ketawa) orang tengok pun orang tegur kau punya muka kenapa tapi mereka faham kenapa kan yang lain lain faham.

AN : **Seterusnya pula apakah pengalaman manis?**

ST : Haa yang manis nya disini lah ya sama juga ceritanya pada sangkaan saya tu memang cikgu ni dia tak ambik *port* [peduli] kita punya cerita kan..*no way* [mustahil] dia suka kita maknanya dia tak nilai pun lakonan kita kan.. maknanya itu dah proses..proses tahun 3. *Third year*[tahun tiga]..*final year*[tahun akhir] jadi

untuk *final year* ni kita ada satu persembahan lah setiap orang dia beri masa sebanyak sepuluh minit untuk menunjukkan gaya lakonan masing masing. *So,* group yang dia pilih tu adalah seramai tiga puluh (30) orang..*group* [kumpulan] yang dia pilih untuk membuat persembahan satu orang dia bagi lebih kurang 10 minit supaya dalam satu persembahan mereka akan terpilih menjadi sepuluh(10) orang sahaja. Sepuluh (10) orang ni akan terpilih untuk mendapat tajaan daripada FINAS lah.. FINAS taja lah. Tapi bukan tajaan besar Cuma kemungkinan dia cakap kalau dapat dia akan bagi macam biasiswa macam RM 50 ringgit untuk masuk kelas. Okay, bila apa persembahan untuk final..untuk memilih sepuluh (10) yang terbaik untuk mendapatkan tajaan FINAS tu tadi kita pun berlakon jelah..kita takda apa apa kita berlakon jelah sampai habis kan. *So* yang buat saya gembira tu tadi saya tak sangka saya salah seorang yang terpilih haa ya saya jatuh nombor dua (2) lah. *So* saya pun pening kepala (ketawa) apa cikgu ni aku dulu sekali aku dapat dia dah halau aku keluar tapi *final* [akhir] aku dapat nombor dua (2) tapi rasa macam tak percaya dan ni buat saya rasa terharu, sedih macam ohh macam ni cikgu ni menilai kita dia tak tunjuk depan kita..tapi dia tahu *how to appreciate* [cara untuk menghargai] kita dia faham menjadi seorang pelakon ni memerlukan kesabaran,kepercayaan, keyakinan kepada diri sendiri supaya kita dapat didik diri kita untuk mendapatkan semangat dalam diri supaya dia terpancar macam saya cakap tadi macam lakonan dia akan keluar sendiri bila agaknya masa saya berlakon tu dia keluar lah kot tu yang cikgu pilih tu sebab pelakon ni kena yakin pada kemampuan diri sendiri disamping itu ilmu kena ada lah dia tidak boleh kosong dia mesti ada ilmu. Ilmu ni dia membantu kita

menyelaraskan kerjaya kita melunaskan apa apa permasalahan sebagai seorang pelakon sebab bila kita ada ilmu ilmu ni tadi ilmu ni mengajar kita untuk membedah, menganalisa, memilih dengan cara yang betul *to build up* the correct *approach* (untuk membina pendekatan yang betul). Maknanya sasaran yang tepat lah sebab ilmu tu penting.

AN : **Kami juga suka untuk tahu sepanjang berada dalam industri seni adakah Tuan juga dapat belajar dari rakan seniman yang lain?**

ST : Ada..ada..memang ada.. tak dinafikan juga kita tidak boleh terlampau tertutup.. kita kena terbuka maknanya kita kena membuka diri kita untuk dapat ilmu daripada yang lain lain. Ataupun Kita kena berkongsi ilmu lebih baik untuk jangka masa yang Panjang lah dan tidak ada kerugian pun kalau kita membuka ruang pada diri kita untuk menerima pendapat pada yang lain dan orang lain juga harus terbuka untuk menerima kritikan kita kalau dia berlakon macam ni kita pun kritik sikit kita pun cakap macam ni kalau dia sentap maknanya dia tak setuju lah tapi kalau dia cakap terima kasih aku baru sedar menda kata cakap tu betul lah maknanya dia terima. Ada memang yang tak terima sebab apa mungkin dari segi ego,dari segi *superior* dia mungkin rasa dia lebih tua kita lebih muda memang ada macam tu lah perbezaan pendapat. Tapi pada saya memang saya *open* [terbuka] lah kalau walaupun dia budak baru tapi kalau dia punya idea lebih bernas jawapan dia memberi saya inspirasi baru ataupun melaksanan dengan cara yang lain tetapi matlamat dia sama menuju satu sasaran saya terima kaedah dia pun memudahkan kita dia tidak menyusahkan kita saya terima.

AN : **Adakah Tuan lebih memilih untuk meggunakan ilmu yang diberikan dan praktikkan dalam lakonan atau meneroka Teknik baru ?**

ST : Teknik baru itu apa yang..yang..yang lain tu tadi yang memberi input tu itu yang kita menggunakan lah kaedah yang dia beri kalau bagus. Itu maknanya kita menggunakan kaedah dia juga. Di samping itu, kita tetap akan menyalurkan apa kaedah yang kita ada. Macam saya cakap tadi saya terima saja. Saya *very open* [sangat terbuka].

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BERTEMA: SENI PERFILEMAN DAN TEATER**

**BAHAGIAN 3: PENGALAMAN KERJAYA**

**"Baiklah Tuan, marilah kita beralih pula kepada soalan yang lebih menjurus kepada pengalaman kerjaya Tuan dalam menceburi bidang perfileman dan teater."**

AN : **Bagi bidang perfileman ya Tuan, siapakah produser pertama yang menawarkan peluang berlakon kepada Tuan?**

ST : Untuk filem yang producer pertama yang saya dapat membawa watak adalah producer Hajjah Rohani Abdul Rahman.. Hajjah Rohani..filem bintang malam. Filem yang diterbitkan adalah bejudul bintang malam. Dia merupakan producer filem dan drama itu..itu yang mendapat watak memegang watak.

AN : **Siapakah pelakon yang turut membintangi filem tersebut?**

ST : Emman Manan, Erma Fatimah, Ogy Ahmad Daud. Ini semua hebat hebat punya pelakon nama nama ni sebab filem ni Bintang Malam memenangi filem terbaik 1991 (terbatuk) 1990 dia memenangi filem terbaik Bintang Malam dan pengarah dia pengarah dia ada menang *award* [anugerah]...saya pun dah lupa..saya menang *award.* Eman menang *award* dalam filem ni, Erma Fatimah menang *award* Cuma Ogy tak menang *award* sedih Ogy menangis dia sebab dia bekerja keras untuk filem ni tapi dia bersaing dengan masa tu filem apa..Selubung ke apa dia jadi pelakon filem lain tu menang jadi pelakon Wanita terbaik..saya dapat pembantu filem terbaik..pelakon pembantu filem lelaki terbaik..Emman pelakon lelaki terbaik, Erma Fatima pelakon pembantu Wanita terbaik.

AN : **Apakah memori pahit dan manis yang Tuan ingat sepanjang melakonkan watak untuk filem pertama Tuan itu?**

ST : Yang pahit ke yang manis? (Bertanya) pahit dan manis..(Aifa menjawab, pahit) oh sebenarnya bekerja dengan pengarah yang yang memikir sepuluh (10) langkah dari kita memang susah tahu, maknanya kita tak terjangka akal kita yang dia akan memohon atau meminta kita melakukan menda menda yang kita tak terfikir. Tu beza dia, itu yang agak macam susah bagi kita tapi sebenarnya kesimpulan dia adalah tulah yang terbaik untuk kita..kehendak pengarah tu lah yang terbaik untuk kita tapi kita tak terfikir seperti apa dia fikir sebab dia pengarah dia Nampak apa dia fikir kita tak Nampak dari segi lakonan perjalanan cerita tapi dia lain dia adalapis dia lagi yang dia nak capai lapisan sebagai seorang pengarah macam kita sebagai pelakon kita rasa kita dah buat apa yang kita perlu buat tapi dia pula memikirkan lebih dari apa yang,,kemampuan kita.. jadi itu pahit lah bagi kita sebab kita kena bekerja keras untuk mencari menda tu kena betul betul cari tak boleh macam buat apa yang kau ada kena cari apa yang kau takda maknanya kau kena fikir *out of the box* [luar kotak] tidak boleh terlampau ikut sangat apa yang kau ada kau ken acari juga sumber sumber yang lain yang tidak terfikir oleh akal kau begitu lah maknanya. Yang manis nya kejayaan kami lah, kami menang *award* (ketawa) itu merupakan kenangan manis yang paling indah lah bagi saya sebab itu merupakan saya dapat pelakon pembantu terbaik the best lah *to me* [untuk saya]. Filem kami menang lima (5) kategori. Filem tu menang banyak *award.* Cuma Ogy je tak dapat nangis dia. Dia kerja kuat

mungkin *cinema graphic* [grafik pawagam] ke apa *you all* [awak semua]boleh *google.*

AN : **Baiklah, Tuan. Tuan juga pernah diberikan peluang untuk berlakon di dalam filem Bollywood, iaitu Don, bolehkah Tuan beritahu kami, apakah persepsi Tuan mengenai filem itu?**

ST : Okay Don ni sebenarnya bila saya baca skrip dia saya tertarik sebab watak yang diberikan kepada saya itu menjadi seorang IGP. Jadi Inspektor General Polis (IGP) watak besar tu watak yang hebat apatah lagi saya dapat berlakon dengan Shah Rukh Khan tapi sayang nya Ketika itu disini mungkin ya mereka ni tidak melakukan *research* [kajian] atau kaji selidik yang betul pakaian IGP tu berbeza dengan pakaian Sarjan atau pakaian Inspektor atau pakaian DSP dia lain kan tapi saya sebagai seorang pelakon masa tu saya tertanya tanya ini ke pakaian IGP (ketawa) tapi saya cakap ini bukan tugas aku.. aku sebagai seorang pelakon diberi amanah untuk menjaga lakonan membawa watak itu kan tetapi aku tidak boleh macam nak tanya ke nak bagitahu ke atau tidak so saya mengambil kesimpulan *let it be me as an actor I don't have to concern about others they have their work professionally they are all professional people* [biarlah saya sebagai pelakon saya tidak perlu mengambil berat tentang orang lain mereka mempunyai kerja mereka secara profesional mereka semua orang professional]. *So* masing masing jalan kan tugas bila mereka mungkin ada pra tayang untuk bagi pihak polis sebab nama IGP besar mungkin di situ mereka Nampak pakaian saya berbeza mana boleh IGP pakai macam biasa je dia ada dia puny *crown* [mahkota], star

[bintang], dia punya topi pun lain, dia puny cap [topi] pun lain dia punya baju lain so masa dia orang bagi saya pakaian tu saya tanya lah dalam diri saya ini ke pakaian IGP tapi aku buat tak tau jelah, aku tak boleh masuk dalam *territory* [Kawasan] ni nanti memandai mandai pula aku jadi lantak kau lah kau menjawab lah. Dan akhirnya bila filem tu ditayangkan seolah olah saya berlakon sebagai Polis biasa..dialog dialog saya habis kena potong haa dialog saya dengan Shah Rukh Khan, dengan Kareena Kapoor, dengan Arjun Rampal, dengan apa.. Priyanka Chopra..habis takleh pakai sebab itu adengan adengan bercakap tentang Polis punya strategi jadi mereka macam mungkin IGP pihak Berkuasa *Department* [jabatan] Polis cakap ni tak betul ni sebab baju tak melambang kan IGP takkan apa..apa ..seorang Inspektor ke ataupun Koperal ke Sarjan ke nak bercakap dengan *Commissioner of India Police* dia mesti level sama tahu. *So*, Mungkin saya rasa dia orang terpaksa buang lah *scenes* [adengan] saya jadi saya macam *extra* [tambahan] je cerita tu padahal saya pergi Mumbai dua kali..dua kali *shooting* Mumbai saya, seminggu balik lepastu tunggu lagi cukup bulan naik lagi , *so*, maknanya saya ada seminggu, dua minggu, dua kali lah, seminggu duduk sana pastu lagi seminggu tapi jarak lah dia takda *continuously [bersambung].*

AN : **Adakah Tuan menghadiri sesi pemilihan atau ujibakat khas untuk membintangi filem tersebut?**

ST : Memang ada ujibakat..memang ada ujibakat..memang ada ujibakat..saya pergi masa tu kat mana ujibakat masa tu..dekat Hilton Hotel ke kat mana saya pun dah

lupa dah tapi mungkin dekat Hilton Hotel..dulu ada nama Hilton Hotel lah dekat Jalan apa..jalan apa nama dia..dekat Bukit Bintang. Memang saya pergi ujibakat untuk dapatkan watak tu.

**AN : Adakah Tuan sendiri yang memilih watak dalam cerita tersebut?**

ST : Tak..mereka yang memilih..bukan saya..mereka memberi saya teks untuk membaca watak itu, saya..saya tengok baca skrip saya faham lah kan..pastu saya bila dia bagi ok dia ada Kamera semua dia suruh *acting*..kita *acting* jelah kan.

**AN : Apakah perasaan Tuan dapat berlakon dengan pelakon Bollywood yang popular seperti Shah Rukh Khan?**

ST : Shah Rukh Khan tu saya hormati dia lah. Dia seorang yang tak sombong lah, dia okay sahaja..bila berlakon dengan dia tu dia *very simple* [sangat biasa], dia tidak sombong, macam menjauhkan diri dengan artis artis ke macam kita kan *so* saya hormat dia lah kan, Cuma orang orang yang tak kena mengena yang bukan *star* [artis] yang sombong (ketawa) biasa lah tu kadang kadang orang yang tak berkenaan yang sombong dengan kita buat apa kita pun tak layan lah kan *you have your own pride.. me too..* [awak ada kebanggaan awak sendiri.. saya juga] aku pon..*I have my own honour too* [ Saya juga ada maruah sendiri ] kan. (ketawa).

**AN : Bagaimanakah Tuan mendapatkan keserasian semasa berlakon bersama mereka?**

ST : Takda masalah kalau kita memahami macam saya cakap bila membawa sesuatu watak kita harus memahami watak itu jadi bila kita menjadi seorang..macam saya menjadi seorang IGP saya buat lah *research* lah kan. Apa tu sebuah IGP.. dia buat *decision* [keputusan]macam mana dia perlu atur kan untuk pasukan dia..di bawah jagaan dia..jadi menda menda macam tu saya kena faham dulu sebelum saya membaca watak itu kan..saya buat *homework* [kerja rumah] lah selidik tentang tugas IGP dia kena ada menda menda macam tu lah lepas tu baru lah kita bila dah dapat sikit *information about the person* [maklumat tentang orang itu]yang kita *research* definasi dia,kerja dia, tugas tugas dia ada *details* [butiran] sikit tu kita dapat kita kumpul sebagai bahan rujukan untuk kita bawa watak tu dengan lebih yakin lah kita baca watak tu kita kena yakin lah *so* kalau yang ni macam mana apa yang kita simpan tu kita ambik nak *adapt.*

AN : **Pada pendapat Tuan, apakah yang membezakan etika pelakon-pelakon Malaysia dan Bollywood?**

ST : Dia sebenarnya *to be frank* [untuk lebih jujur] yang lelaki ni tak sombong tapi yang perempuan ni dia lebih macam lebih kepada sombong tu nak cakap sombong.. tapi mungkin nak cakap sombong tu tak lah tapi mereka tu lebih *concern* [peka] pada diri mereka sendiri lah dia tak ambik tahu sangat tentang kita..kita pun tak ambik tahu sangat tentang dia orang. Masing masing ada peranan masing masing sebab kita *professional* melainkan kalau dia ajak berbincang tu kaedah yang lain tapi kami tak diajak berbincang jadi kita Cuma

berbincang dengan *director* saja dengan pelakon pelakon mereka kita tak diajak berbincang dengan *director*...yes [ya].

AN : **Soalan seterusnya adakah Tuan meletakkan harapan dan target untuk menjadi salah seorang pelakon Bollywood setelah membintangi filem Don tersebut?**

ST : Tak (ketawa) saya bukan saja berlakon cerita Bollywood saya berlakon Hollywood juga. Saya pernah berlakon cerita *Fifty/Fifty* tajuk dia lima puluh (50) lima puluh (50) Hollywood punya *production* [penerbitan]. Saya pernah juga berlakon drama rantaian Jepun punya..*production* Jepun..adalah banyak lagi yang Indonesia punya pun ada tapi kita rasa macam biasa jelah kita buat kerja kita je yang penting kita buat kerja kita Cuma dari segi kesesuaian kefahaman tu tadi bila kita *script rehearsal* [Latihan membaca skrip]bila kita nak berlakon sebelum kita nak berlakon *director* akan panggil *script rehearsal* dapat menyesuaikan diri dengan pelakon pelakon lain.. bukan suai kenal ya.. tapi suai kenal watak bukan suai kenal diri masing masing individu ya..*that is different* [itu lain] (ketawa).

Temubual diberhentikan buat seketika.

Temubual diteruskan.

NN : **Sudah tentu, sebagai rakyat Malaysia, kami berdua ingin menyentuh sedikit tentang filem yang menjadi bualan hangat ketika ditayangkan di pawagam,**

**iaitu Mat Kilau. Boleh Tuan ceritakan pengalaman Tuan dalam membintangi filem itu?**

ST : *Okay* [Baiklah] filem Mat Kilau ini adalah sebuah filem yang boleh dikatakan filem fenomena jugak lah. Filem yang memberi kejutan yang amat besar dalam industri. Pertamanya dari segi naratif dia. Naratif ni [ini] berbeza eh, dia lebih bercakap tentang akidah, tentang perkembangan perkembangan agama islam, tatacara hidup sebagai seorang muslim, cara berfikir, cara tindakan, cara mengatasi masalah. Di mana telah melahirkan kata bual ataupun dialog-dialog yang agak berbeza dari kebiasaannya. Maknanya memberi satu kesedaran, terutamanya kepada bangsa melayu. Kita bangsa melayu telah lama hilang hero. Hero Malaysia tak ada sebenarnya dalam industri filem. Maksud saya di sini adalah hero yang diberi, yang diberi contoh sebagai ikon. Kalau dulu, (bisik) zaman Jalan Ampas, dalam filem, ikon dia, hero dia siapa? Kalau dulu-dulu? Dalam sebuah filem? Tajuk filem tu apa hero dia? Siapa hero dia?

**NN : P.Ramlee?**

ST : Tak itu pelakon dia, maksud saya ikon, maknanya, Hang Tuah. Hang Tuah merupakan hero --- [Bunyi telefon]. *Okay* [Baiklah] berbalik [berfikir sejenak] kita cakap. Zaman dulu, dalam industri filem kita tidak ada [tiada] ikon. *So* [Jadi], siapa ikon kita? Zaman dulu Hang Tuah. Di mana-mana pun orang bercakap Hang Tuah itu hero. *Okay* [Baiklah] zaman moden, zaman sekarang pula, selepas zaman Jalan Ampas tu [itu] tadi, sekarang heronya siapa? Mat Kilau. Faham tak maksud saya? Dia contoh begini, kalau kita tengok cerita orang putih, Amerika ataupun *movie* [filem], kalau orang British ataupun orang England pada zaman itu, heronya adalah

Robin Hood dan ada beberapa lagi hero-hero yang lain. Sama jugak [juga] di Malaysia. Kalau dalam industri filem, siapakah yang diangkat untuk menjadi hero? Maknanya ikon industri filem ataupun pujaan rakyat Malaysia dalam filem. Kalau dulu Hang Tuah, sekarang sudah timbul Mat Kilau. *So* [Jadi], hero ikon zaman sekarang adalah Mat Kilau dan ini memberi satu naratif yang baru di mana kesedaran masyarakat, mereka memerlukan seseorang untuk menjadi pegangan yang negara kita memerlukan seorang hero, seorang pejuang yang berani, orang melayu yang bernama Mat Kilau. *So* [Jadi], itu dia. Kalau zaman dulu, kita ada Hang Tuah, "abang Tuah yang dengan adik beradiknya" [menyebut dialog daripada filem Hang Tuah yang terkenal] (ketawa). Zaman sekarang, hero kita, generasi baru pun [juga] adalah Mat Kilau. Selepas Mat Kilau kita tak [tidak] tahu siapa lepas ni [selepas ini]. Mungkin generasi akan datang pula, akan ada hero yang lain. Sebab dia punya *gap* [jurang] terlampau lama untuk dapatkan satu ikon hero filem. Lama tau [tahu], Jalan Ampas (ketawa) ke sekarang ni [ini] FINAS, Ulu Klang. Berapa puluh tahun tu [itu], baru dapat Mat Kilau. (Menghentak meja). Sebab itu, bila orang melayu mendapat satu hero baru, itu yang menjadi satu fenomena. Mereka menjadi teruja mendapat semangat yang baru, semangat jati diri, semangat patriotism, semangat sayangkan agama, akidah, perkembangan agama islam, perjuangan cara orang-orang islam, berfikiran cara orang-orang islam, bertindak cara orang-orang islam, cara seorang muslim. Jadi, ini yang memang rakyat ataupun penonton nak [mahu], sebagai (berfikir sejenak) memberi mereka satu pemikiran ataupun semangat yang baru. Sebab kita telah ditinggalkan oleh Hang Tuah lama dah, tiba-tiba timbul Mat Kilau. *So* [Jadi], ini memberi satu nafas baru kepada industri filem

dan kepada jati diri orang-orang berbangsa melayu. Dari penerapan nilai semangat seorang pejuang.

NN : **Apakah pula detik-detik indah yang paling diingati oleh Tuan dalam melakonkan watak Datuk Bahaman tersebut?**

ST : *Okay* [Baiklah] sebelum saya melakonkan watak tersebut saya pun tak terfikir saya akan dipanggil menjadi seorang pelakon membawakan watak Datuk Bahaman sebab saya dengar-dengar diaorang [mereka] dah *casting* [pemutus] semua kan. Tapi tiba-tiba saya dapat *call* [panggilan] mengatakan saya ditawarkan. Saya agak teruja. Saya tanya lah "Watak apa?," dia cakap "Datuk Bahaman." Saya suka lah (ketawa). Sebab *you all* [kamu semua] kena tahu, saya lahir 1957 tau [tahu]. (ketawa). Saya suka lah _ semangat-semangat yang begini kan. *So* [Jadi], tarikh lahir saya tu tak penting tapi tahun itu, adalah tahun menyambut kemerdekaan. Semangat perjuangan untuk kemerdekaan. Jadi, "Saya suka," saya cakap, saya nak [mahu] watak Datuk Bahaman ini. Saya dapat sikit buat *research* [pencarian]. Biasalah, saya tanya cikgu *Google. Google* bagilah macam-macam. Saya *copy* [salinan], *screenshot* [tangkapan skrin] *details* [butiran] untuk dapatkan keyakinan diri saya ini. Supaya saya dapat *portray* [menggambarkan] kan, menterjemahkan watak itu. Bagaimana sikap Datuk Bahaman? Kenapa dia jadi macam itu? Kenapa dia macam orang yang agak panas baran? Orang yang agak lantang. Orang yang agak, bukan benci ya, tapi tak suka Orang Inggeris ni [ini] tadi. Jadi, benda ini kena tahu latar dia, latar sejarah dan latar diri Datuk Bahaman. Bila saya dapat tu [itu], _baru saya dapat membawa watak itu dengan penuh keyakinan. Alhamdulillah saya

dapat pancarkan menerusi pemahaman dan penelitian saya terhadap ciri-ciri tokoh watak Datuk Bahaman tu [itu] tadi. Sebab dia mempunyai pendirian yang agak berbeda [berbeza] dari yang lain (selak helaian kertas) kerana ada kemelut yang telah menghimpit dia (selak helaian kertas) sehingga dia memberontak terhadap Inggeris. (selak helaian kertas).

NN : **Bagaimanakah pula inisiatif Tuan dalam membantu menaikkan *rating* [penilaian] filem?**

ST : *Okay* [Baiklah], dia senang saja [sahaja]. Bila kita terlibat di dalam sebuah produksi filem dan filem itu memerlukan kerjasama kita, kita berilah sebab itu memang sudah tanggungjawab kita. *One of the* [Salah satu daripada] kita punya inisiatif untuk memberi sokongan kepada promosi filem tersebut. Maknanya dari segi pembabitan kita, bukan sahaja setakat semasa kita membuat penggambaran, semasa lakonan, tetapi selepas tamat pun. Selepas tamat tu [itu] maknanya kita ada *promotion* [promosi], A&P, maknanya *Advertising and Promotion* [Pengiklanan dan Promosi]. Makananya kita ada kaedah untuk membantu melariskan lagi filem itu ketika kita membuat *promotion* [promosi]. Maknanya dari *promotion* [promosi] itu tadi, kita adalah buat *meet and greet* [bertemu dan menyambut]. Bila kita bertemu dengan peminat-peminat yang memberi *support* [sokongan] dan kita rasa bangga dan mereka juga teruja sebab orang yang dalam layar itu tadi timbul di hadapan diaorang [mereka]. Jadi, diaorang [mereka] suka dan kita pun mengucapkan terima kasih dan kita menghargai sokongan mereka untuk filem ini dan industri filem Malaysia.

NN : **Daripada sumber kami, Tuan melakonkan teater yang bertajuk "Jiwa Merdeka;" "Bakai," "Tun Perak," dan banyak lagi. Berapakah agaknya jumlah sebenar teater yang Tuan terlibat?**

ST : Saya rasa saya tak [tidak] boleh nak kira. Banyak (ketawa). Tapi boleh dikatakan – banyaklah. Tapi kalau *Google*, mungkin kalau *you* [awak] *Google*, you *type* [menaip], Shaharuddin Thamby teater atau filem, mungkin dia _ tunjuk senarai-senarai filem saya, senarai-senarai teater saya. Saya nak ingat semua dah – Memang banyak teater yang saya berlakon. Baru-baru ini pun saya baru habis teater. Saya buat cerita - (berfikir sejenak) (berselawat ke atas Nabi SAW) (menyentap jari) ---

NN : **Antara yang disebutkan tadi, yang mana satukah menjadi kegemaran Tuan dan kenapa?**

ST : Yang mana? Tun Perak?

NN : **Jiwa Merdeka**

ST : Jiwa Merdeka

NN : **Bakai**

ST : Bakai. Saya lebih suka Tun Perak. Tun Perak adalah sebuah watak ciri-ciri seorang pemimpin. Bendahara Tun Perak. Nama pun Bendahara. Makna kalau Bendahara zaman kini orang panggil Perdana Menteri. So, ciri-ciri kepimpinan itu ada kepada watak yang bernama Tun Perak dan in merupakan satu kerja saya yang memang saya memberi boleh dikatakan 110 peratus. Saya membuat kajian, *research a bit detail* [meneliti sedikit] tentang Tun Perak tu [itu] tadi. Dia bukan sahaja takat nak

[mahu] hafal skrip. Saya terpaksa beli buku mencari *details* [butiran] Tun Perak ni tadi. Sehinggakan sekecil-kecil *details* [butiran] lah orang cakap. Maknanya Tun Perak ni [ini] apa yang dia suka atau apa yang dia tak [tidak] suka. Apa kegemaran dia? Apa makanan dia? Berapa dia punya *siblings* [adik-beradik] ataupun anak-anak, menantu. Saya buat benda ni semua, maknanya saya buat kajian sehinggakan apa yang ada pada (tidak dapat difahami) ciri- ciri kepimpinan. Memimpin kerajaan di bawah Tuanku pada zaman itu. Tuanku Mahmud ke tak silap saya. Tengku apa? Saya dah lupa. Dia membimbing Raja untuk mentadbir kerajaan Melaka dan dia merupakan seorang pemimpin yang berjaya, Maknanya Bendahara Melaka yang berjaya di dalam mentadbir Negeri Melaka pada ketitka itu. Memang mahsyur nama dia. Dia punya kebijaksanaan dia agak berbeda [berbeza] dari yang lain-lain. Ini memberikan saya semangat kerana saya perlu mencari benda yang diluar kotak saya tadi tu [itu]. Macam saya cakap tadi, bila kita buat *research* [penyelidikan] ni, *it is a full of* [ia penuh dengan] --- Kita mesti ada semangat tau [tahu], semangat untuk membongkar perkara yang kita tak tahu. Maknanya, kita mesti korek, kita mesti gali sampai kita jumpa. Siapa sebenarnya Tuan Perak. Ha begitu. Maknanya bila kita dapat itu baru kita rasa fuh leganya. *I know who I am* [Saya tahu siapa saya]. Maknanya kan, *I know who is* [Saya tahu siapa] Tun Perak. Jadi, bila kita bawak watak itu, kita dah tahu dah, kita yakin. Okay, aku buat macam ni pun, aku tahu ni betul. Tak salahlah, inilah dia. Sebab apa? Sebab dari segi *research* [penyelidikan] kita tadi, dari *homework* [tugasan] kita tadi dah memberi pancaran yang lebih dekat kepada intipati perlakuan watak tersebut.

**BAHAGIAN 4: KEMAHIRAN LAKONAN**

**"Seterusnya Tuan, kami akan beralih kepada soalan yang lebih bertemakan kepada kemahiran lakonan Tuan dalam bidang filem dan teater. Menjadi seorang seniman yang sudah lama bertapak dalam bidang seni lakonan di Malaysia,"**

NN : **Siapakah pendorong utama Tuan untuk meneruskan kerjaya dalam bidang seni lakonan ini.**

ST : Sebenarnya, yang mendorong adalah diri kita sendiri di samping peminat-peminat. Tetapi, yang selebihnya, diri kita sendiri. Diri kita sendiri yang menolak, diri kita sendiri yang harus membuat perubahan, diri kita sendiri yang harus menambah ilmu, Diri kita sendiri yang harus memberi warna kepada setiap watak yang kita lakonkan. Watak tidak boleh sama. Saya bercakap ni berpandukan kepada watak-watak dari segi pemikiran penulis itu tadi. Kalau penulis itu memberi *details* [butiran] tentang watak itu tadi, itu sedap kita lakon. Tapi kalau penulis biasa-biasa. Contohlah, *you* [awak] tanya "Alah abang berlakon drama tu biasa je tengok, jadi bapak pun sama jadi atuk pun sama." Sebab apa? Pemikiran dia level itu aja [sahaja]. Faham tak maksud saya?

NN : **Faham**

ST : Sebab dia tak meneroka jauh daripada itu. Setakat *surface* [permukaan] sahaja, setakat luaran sahaja. Dalaman takde [tiada]. Faham tak maksud saya? *Level of under surface* [Tahap permukaan bawah] tu [itu] takde [tiada]. Dia ada *level* [tahap]. *Surface* [permukaan], *underneath* [di bawah], bawah dia tu, ada lagi layer. Ada tiga lapis lagi. Jadi benda-benda ni takde, jadi dia cuma letak yang *surface* [permukaan] sahaja. Atas sahaja. *So* [Jadi], *layer* [permukaan] itu yang kita tengok drama-drama

itu, pelakon-pelakon baik macam saya pun berlakon, akan nampak sama je [sahaja]. Sebab *level of thinking* [tahap pemikiran] tidak pergi dalam. Setakat engkau bicara tentang Megah Holding (ketawa). Dengan berjuta-juta, beli kereta baru, rumah banglo. Itu sahaja. *Level* [tahap] itu sahaja *surface* [permukaan] dia. Dia tak bercakap betul-betul tentang *business* [perniagaan]. Faham tak maksud saya? Dia berbeza tau [tahu].Watak itu takat luaran sahaja. *Surfacetext* [teks permukaan] sahaja, dia bukan pergi *innertext* [teks dalaman], *underlying text* [teks asas], dia ada lagi *level* [tahap] tu. Kebanyakan kita tengok drama ni *surfacetext* [teks permukaan]. Bila saya jadi Datuk Sri. Datuk Sri ada tugasan? Melarang anak perempuan jangan berkawan dengan lelaki yang tersebut. Atupun melarang lelaki itu jangan berkahwin dengan perempuan yang dipilih oleh anak dia. Itu sahaja level dia. Dia tak berfikir tentang lain. Tidak memberi satu filosofi pemikiran kepada anak dia kenapa kau tak harus pilih dia. Maybe secara level of thinking tu, *level* [tahap] *intllectuality* [secara intelek] itu ataupun filosofi yang harus boleh meresap ke dalam kepala anak sehinggakan dia percaya apa yang bapak [bapa] dia cakap tu betul. Sebab apa? Berlandaskan kepada fakta-fakta yang bapak [bapa] dia bagi tahu. Bukan setakat, "Papa tak suka kau kahwin dengan perempuan tu." Itu kosong aje [sahaja]. Sebab apa? Perempuan tu mata duitan. (Ketawa). Itu aja [sahaja] (Ketawa). Ataupun "Papa tak suka kau kahwin dengan lelaki itu. Papa dengar dia tu romeo." Itu aje (ketawa). Kan? Tapi dia tak pergi *details* [butiran], dalam kenapa dia perlu cakap macam tu [itu]. Kalau betul dia tak kasi [beri] kahwin dengan lelaki tu, bagi satu alasan yang lebih berwibawa. Ada *influence* [pengaruh] yang boleh mengatakan apa yang bapak [bapa] dia cakap dia akan diserap oleh masyarakat.

Masyarakat akan dapat ilmu, pengetahuan, supaya tidak terjebak dengan perlakuan atau karakter lelaki tu [itu] tadi. Mesti ada sebab. Jadi, setakat cakap kosong itu takde [tiada] apa lah. Sebab tu [itu] *you* [awak] tengok kalau saya berlakon pun, sama je [sahaja] Shaharuddin berlakon. Sebab penulis tidak menulis seperti apa yang sepatutnya dia tulis. Alasannya s*urfacetext* [teks permukaan] sahaja. Dia tak pergi ke *underneathtext* [teks di bawah], orang panggil itu berilah sesuatu ilmu yang berguna supaya dapat *share* [kongsi]. Kalau dia bagi [beri] sebab musabab kenapa ayat ni [ini] keluar, kenapa aku perlu nasihat kau macam ni [ini]. Dia mesti memberi sesuatu kesan kepada penonton. Di sini baru dikatakan, walaupun watak apapun tetapi dia memberi seusatu kesan yang dalam untuk penonton berfikir baik dan buruk. *Consequences* [akibat] dia kan. Positif, negatif.

NN : **Pernahkah Tuan menolak untuk melakonkan sesbuah watak dan apakah sebabnya?**

ST : Adalah saya tolak, dia agak kontroversi lah tak [tidak] usahlah cerita kenapa kan. Sebab kadang-kadang – Kita ada *family* [keluarga] tahu. Jadi kita takut *the effects on the family side* [kesan kepada keluarga]. Maknanya *effect* [kesan] tu [itu] bukan pada kita, kita anggap kita *okay* [baiklah], tapi yang malu siapa? Kita taknak benda itu lah. Kita terpaksa tolak lah. Bukan sebab *personal* [peribadi], no [tidak]. Tapi kita fikirkan *consequneces* [akibat] itu. Tindakan kita itu akan *backfired* [menyerang balik] kepada orang yang takde [tiada] kena mengena (ketawa) dalam industri, terpaling _ tak [tidak] pasal-pasal. Jadi, kita tak [tidak] nak [mahu], kita cuba elak benda macam tu [itu]. Sebab saya *always* [sentiasa] fikir, apa yang saya nak [mahu]

buat saya kena fikir family [keluarga] jugak. Maruah perlu kena jaga tahu. Jadi, kita tak [tidak] nak [mahu] nanti bila diaorang [mereka] pergi sekolah ke kan. "Eh aku tengok atuk kau kemain lagi."(ketawa). "Tak sedar diri ke dah tua pun." Malulah cucu kita kan? Dia pun rasa macam kena *boycott* [boikot] lah kan. (ketawa sambil hentak meja). _

NN : **Berapakah tempoh masa yang diambil oleh Tuan untuk menghafal skrip?**

ST : Dia tertakluk kepada pengisisan skrip itu tadi. Maknanya kalau pengisian dia yang mudah, mudahlah. Sekejap je saya baca. Tapi kalau pengisian itu mempunyai, macam saya cakap tadi, certain *level* [tahap], dia ada s*urfacetext* [teks permukaan], *underneathtext* [teks di bawah], _ Jadi kita perlu mencungkil, menggali, mengorek, buat *research* [pencarian], buat *homework* [tugasan]. Untuk mendapatkan jawapan. Jadi, itu memerlukan masa. Itu bukan sahaja bekerja untuk menghafal skrip. Tapi bekerja untuk mendapatkan jawapan. Kadang-kadang dalam skrip itu ada jawapan. Tapi, kita mungkin terlepas pandang. Tapi selepas kita mendapat jawapan, kita dah buat *research* [pencarian], kita simpan jawapan tu [itu]. Tiba- tiba nanti kita teringat, "Eh ini jawapan dia." *It is okay* [Tidak mengapa]. Sebab apa yang kita cari dalam skrip tu [itu] dah ada jawapan. Apa yang kita buat ni [ini] betul lah. Reseacrh kita ni [ini] jawapan dia ni [ini]. Ada dua tiga jawapan, Tak [Tidak] kisahlah, tiga, empat jawapan. Tapi, salah satu itu, "Eh ini dia." Makananya *you* [awak] masih *on the right track* [di landasan yang betul].

NN : **Menurut pandangan Tuan, adakah kadar pembayaran itu mempengaruhi komiteman lakonan.**

